

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 MAC 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1224978/padu-penduduk-di-4752-lokaliti-berisiko-keciciran-bantuan-subsidi>

PADU: Penduduk di 4,752 lokaliti berisiko keciciran bantuan, subsidi



Rafizi pada sidang media berkaitan PADU di Putrajaya

PUTRAJAYA: Sebanyak 4,752 lokaliti berpenduduk berisiko tercicir dalam mendapatkan sebarang bantuan kerajaan termasuk pelaksanaan program subsidi bersasar RON95, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Ia kerana lokaliti berkenaan didapati tidak tidak mempunyai rekod dalam sebarang bantuan kerajaan sebelum ini termasuk Pangkalan Data Utama (PADU).

Beliau berkata, daripada jumlah itu, Selangor dan Kuala Lumpur mempunyai jumlah kawasan berpenduduk yang tertinggi sebanyak 2,274 lokaliti tidak mempunyai rekod dalam sebarang bantuan kerajaan sebelum ini termasuk data PADU.

Katanya, semua lokaliti itu telah dikenal pasti di seluruh Malaysia, yang mana penduduk kawasan berkenaan tidak mempunyai sebarang pendaftaran di bawah PADU atau apa-apa program bantuan kerajaan yang disediakan sebelum ini.

Katanya, penduduk di kawasan itu, walaupun dikenal pasti dari golongan B40 dan B60, didapati tidak mempunyai data dalam apa-apa pangkalan data bantuan kerajaan sebelum ini.

"Ini menunjukkan mereka sebelum ini tidak berdaftar dan mendapatkan bantuan kerajaan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan sebagainya. "Kami masih tidak mempunyai data yang menunjukkan faktor utama mereka tidak berdaftar tetapi ia sangat membimbangkan dan perlu kenal pasti kenapa ada jurang itu berlaku terutamanya di kawasan bandar.

"Penduduk di lokaliti itu berisiko tercicir daripada menerima ataupun dilibatkan dalam apa-apa program atau bantuan kerajaan yang akan datang.

"Perlu diingat rakyat hanya mempunyai tempoh masa selama dua minggu sahaja lagi untuk kemas kini PADU dan mengelakkan berlakunya keciciran," katanya ketika sidang media PADU di sini hari ini.

Lokaliti merujuk kepada nama yang diberi kepada sesuatu tempat yang merupakan tempat tinggal sekumpulan orang tempatan yang mempunyai talian sosial yang jelas seperti kampung atau taman perumahan.

Dalam konteks pelaksanaan PADU, pengemaskinian oleh rakyat atau rekod pentadbiran individu divisualisasi sehingga di peringkat lokaliti seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam, Kondominium, Pangsapuri, Rumah Kos Rendah, Kuarters, Rumah Kedai, Rumah Air/Panjang dan Rumah Sebuah.

Rafizi berkata, bermula 31 Mac ini, data yang sedia ada dan telah dikemaskini dalam PADU akan digunakan sebagai panduan untuk merangka dasar serta akan digunakan untuk menentukan kelayakan individu untuk program kerajaan, bantuan dan subsidi.

Beliau berkata, jika rakyat masih tidak mendaftar dan mengemaskini data di dalam PADU, kerajaan akan menggunakan data yang didapati daripada jabatan serta agensi kerajaan sedia ada.

Namun katanya data sedia ada itu mempunyai risiko sama ada ia tidak tepat atau tidak terkini sekali gus memberikan kesan kepada rakyat dalam mendapatkan bantuan kerajaan.

Katanya, kerajaan boleh sahaja menggunakan data sedia ada dari jabatan atau agensi kerajaan tetapi ia berisiko tidak tepat dan berpotensi membawa kepada risiko keciciran berterusan.

"Daripada data kami juga, lokaliti yang mempunyai penduduk kaum Cina masih merekodkan jumlah tidak berdaftar yang tinggi. Justeru itu kerajaan menyeru agar kaum Cina dan India mengemaskini PADU.

"Mereka mungkin tidak mendapat bantuan kerajaan sebelum ini dan kini walau peluang itu telah dibuka tetapi oleh kerana data anda tidak dikemaskini, anda mungkin terus tercincir," katanya.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, tumpuan kementerian dan juga pasukan PADU dalam tempoh dua minggu terakhir ini adalah untuk mempertingkatkan pendaftaran individu dan isi rumah, terutamanya meliputi kawasan yang dikenal pasti berisiko terbesar pengecualian.

Beliau berkata, satu sesi 'townhall' akan diadakan pada 23 Mac ini di Pusat Konvensyen MBSA bertujuan untuk memberi penerangan mengenai manfaat PADU serta mendapatkan kerjasama pihak berkaitan untuk membantu meningkatkan pendaftaran dalam kalangan rakyat, terutamanya di kawasan Selangor dan Kuala Lumpur sebelum 31 Mac 2024.